

Utusan Melayu penyambung legasi Abdul Rahim Kajai

KUALA LUMPUR 22 April - Syarikat akhbar Utusan Melayu (M) Berhad menjadi penyambung legasi tokoh kewartawanan, Abdul Rahim Kajai dengan kekalatan semangat dan jati diri kepemimpinan yang dimiliki dalam memperjuangkan agama, bangsa dan tanah air.

Pengarah Muzium Warisan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Mohd. Samsudin berkata, ciri-ciri keperibadian itu perlu dicontohi semua peringkat masyarakat pada masa ini terutama golongan muda yang kebanyakannya tidak mempunyai sifat sedemikian.

Kata beliau, dalam era teknologi maklumat ketika ini, golongan tersebut tidak suka mencari ilmu pengetahuan secara tepat sebaliknya hanya bergantung kepada sumber informasi daripada internet yang lebih berisiko tanpa berkomunikasi dengan masyarakat lain.

"Abdul Rahim Kajai mempunyai semangat juang yang tinggi, tidak menyerah kalah, sanggup pergi dari satu tempat ke tempat lain untuk mencari maklumat sehingga beliau menjadi ikon atas kejayaannya.

"Ini berbeza generasi 'Y' pada masa ini yang lebih gemar menggunakan internet untuk mendapatkan informasi tanpa ada hubungan dengan masyarakat, hanya ada satu saluran komunikasi.

"Sifat Abdul Rahim Kajai yang pernah menjadi Pengarang di *Utusan Melayu* itu boleh dilihat pada or-

ganisasi Utusan ketika ini, bagaimana syarikat ini boleh bertahan dan meneruskan perjuangan membelah nasib Melayu, agama dan negara walaupun menghadapi pelbagai rintangan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ceramah mengenai Bapa Kewartawanan Melayu Moden itu dalam sesi Bicara Tokoh Program Pelancongan Koperasi Sekolah anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) di Ibu Pejabat Utusan Melayu di sini hari ini.

Program yang dihadiri seramai 200 pelajar daripada 50 sekolah sekitar Wilayah Persekutuan itu turut menyertai Forum Kerjaya dan

Keusahawanan dalam bidang kewartawanan yang disampaikan oleh Penerima Anugerah Kajai, Mohd. Aeron Mustapha; Pereka Grafik *Utusan Malaysia*, Mohamad Sany Misnan dan Penolong Editor Foto, Azhar Mogo.

Sementara itu, dalam majlis penutup program berkenaan, Pengerusi Bahagian Pembangunan Kepimpinan dan Modal Insan Koperasi Angkasa, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom berkata, program Pelancongan Koperasi Sekolah merupakan sebahagian kecil agenda pendidikan yang disalurkan Angkasa dalam bentuk pembelajaran berkaitan sejarah, mengenali tokoh dan alam sekitar dengan membudayakan semangat jati diri dalam konteks sosial.



Abdul Rahim Kajai mempunyai semangat juang yang tinggi, tidak menyerah kalah, sanggup pergi dari satu tempat ke tempat lain untuk mencari maklumat sehingga beliau menjadi ikon atas kejayaannya."



DR. MOHD. SAMSUDIN
Pengarah Muzium Warisan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

"Program ini mendidik pelajar kita mendekati sejarah melalui program Bicara Tokoh dengan menerapkan budaya patriotik kepada tetamu yang mengikuti pakej pelancongan yang dianjurkan koperasi sekolah.

"Angkasa mengiktiraf peranan pelajar dan guru dalam penglibatan mereka sepanjang melaksanakan program ini dengan hasrat agar ia mampu menjana perkembangan minda dan memupuk jati diri koperasi yang mantap," katanya.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Melaka, Muslim Md. Shah.



ABDUL RAHIM KAJAI